

LOGO DAN
NAMA
SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2008 TINGKATAN 5

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

- 1 Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan Hierarki Keperluan Maslow.

Dahlia menerima Ijazah Sarjanamuda Pentadbiran Perniagaan di Universiti Islam Antarabangsa.

Keperluan yang manakah telah dicapai oleh Dahlia?

- A Keperluan sosial
 B Keperluan rohani
 C Keperluan fisiologi
 D Keperluan keselamatan
- 2 Pilih pernyataan yang **benar** tentang cabang pengeluaran.
- I Boleh dibahagi kepada enam cabang utama
 II Industri ekstraktif merupakan salah satu aktiviti perusahaan
 III Setiap cabang pengeluaran merangkumi jenis pengeluaran tertentu
 IV Aktiviti perdagangan melibatkan perniagaan dan bantuan perniagaan
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
- 3 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang perbezaan usahawan dengan peniaga?

	Usahawan	Peniaga
A	Matlamat utama adalah keuntungan	Matlamat utama adalah keuntungan dan sumbangan kepada masyarakat
B	Menumpukan aktiviti jual beli sahaja	Menumpukan aktiviti mencipta dan membuat sesuatu yang berinovasi
C	Saiz perniagaan sentiasa berkembang dan menjadi besar	Saiz perniagaan adalah kecil dan tidak berkembang
D	Menjalankan aktiviti tanpa melakukan perubahan	Menjalankan aktiviti bagi menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat

- 4 Pernyataan yang manakah menunjukkan kelemahan sistem barter?
- A Pak Ali mempunyai lembu yang berlebihan dan memerlukan beras, perlu mencari orang lain yang mempunyai beras berlebihan dan memerlukan lembu.
 - B Encik Awal telah menghantar 3 ekor lembu dengan lori ke Kuantan yang ingin ditukar dengan 5 guni beras
 - C Salmah dapat menghantar sayur-sayuran dengan segera ke Pekan untuk ditukar dengan setandan pisang
 - D Encik Lim dapat menukarkan 50 kg jagung dengan 50 kg beras
- 5 Antara berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang perdagangan?
- A Urusan jual beli pakaian di Kamdar
 - B Mengimport kasut daripada London
 - C Menangkap ikan untuk dijadikan keropok
 - D Menjalankan kegiatan mengagihkan sayur-sayuran ke pasar
- 6 Mengapakah perniagaan bentuk jualan langsung seperti Anyway, Avon dan Tupperware begitu popular di kalangan peniaga?
- I Dapat mengelak risiko hutang lapuk
 - II Maklumat yang disampaikan oleh jurujual adalah tepat dan jelas
 - III Lokasi kedai boleh ditempatkan di kawasan yang murah sewanya
 - IV Peniaga boleh melakukan promosi secara meluas dan mesej yang sama
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Soalan 7 merujuk kepada dokumen perniagaan berikut:

INVOIS				
Syarikat Pemborong Wawasan				
114, Jalan Mahkota				
25000 Kuantan				
Tuan Pengurus Kedai Perabot Mawar 12, Jalan Sekilau 25000 Kuantan				
31 Mac 2008 No. invois: 1324				
No. Rujukan	Butir	Kuantiti	Harga/Unit(RM)	Jumlah(RM)
R11	Almari	2	360.00	720.00
	Tolak: diskaun niaga 20%			144.00
	JUMLAH BERSIH			576.00
Serahan: Angkutan dibayar				
Syarat: 5% 10 hari, 2% 30 hari				
K & K diK Mawar (Mawar Bt Ramli) Pengurus				

- 7 Berapakah jumlah bersih bayaran yang akan dibayar oleh Butik Mawar jika dia membayar pada 8 April 2008?

- A RM576.00
- B RM547.20
- C RM564.48
- D RM518.40

- 8 Rajah berikut menunjukkan dua kaedah jualan bagi sejenis beg tangan.

Kaedah 1	Kaedah 2
Harga tunai : RM1000.00	Ansuran : RM150.00 sebulan Tempoh bayaran : 12 bulan

Apakah kelebihan sekiranya Puan Maria membeli beg tangan itu secara kaedah 2?

- I Beg tangan menjadi milik Puan Maria sebaik ansuran pertama dijelaskan
 - II Puan Maria tidak terikat dengan riba kerana baki ansuran tidak dikenakan faedah
 - III Harga secara bayaran tertunda lebih murah daripada harga secara tunai
 - IV Beg tangan akan dirampas jika beliau gagal membayar ansurannya
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 9 Apakah faedah yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan antarabangsa kepada negara?
- I Meningkatkan pembangunan negara
 - II Mengeluarkan produk secara besar-besaran
 - III Meningkatkan pertukaran asing
 - IV Mengatasi masalah kekurangan bahan mentah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 10 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang import tak nyata?
- A Kerajaan menghantar pelajar ke universiti di Jepun
 - B Menjual minyak kelapa sawit ke Korea
 - C Membeli kapal terbang daripada Amerika
 - D Syarikat insurans tempatan menawarkan perlindungan insurans kepada syarikat perkapalan dari negara Brazil
- 11 Antara berikut, yang manakah halangan yang dihadapi oleh pengimport dalam perniagaan antarabangsa?
- I Tarif
 - II Elaun import
 - III Taraf perintis
 - IV Cukai import
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 12 Gambar berikut menunjukkan produk yang dihasilkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



P



Q

Bidang Industri Kecil dan Sederhana yang manakah menghasilkan produk di atas?

	P	Q
A	Industri berasaskan logam	Industri komponen automatif
B	Industri komponen automatif	Industri komponen elektrik dan elektronik
C	Industri berasaskan sumber	Industri berasaskan logam
D	Industri berasaskan sumber	Industri komponen elektrik dan elektronik

- 13 Berikut adalah maklumat tentang jalinan antara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan industri berat.

- Mendapat bayaran segera
- Memperolehi pasaran yang terjamin
- Dikenali sebagai pemasaran konsep payung

Namakan jalinan tersebut.

- A Subkontrak
B Rantaian Industri
C Pemasaran bersepadu
D Pengaturan kontrak khas
- 14 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang cara pengurusan stok?
- I Menyimpan stok yang banyak
II Memeriksa dan merekod stok
III Mendapatkan bekalan stok
IV Memperaga stok
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 15 Maklumat berikut menunjukkan jenis pemilikan perniagaan.

KLINIK LINA DAN RAKAN-RAKAN

Apakah kelebihan yang mungkin diperoleh daripada pemilikan perniagaan seperti di atas?

- I Risiko perniagaan dapat disebarkan kepada setiap rakan kongsi
II Maklumat perniagaan dapat dirahsiakan daripada umum
III Rakan kongsi menanggung liabiliti tidak terhad
IV Rakan kongsi membayar cukai perseorangan dan cukai syarikat
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

- 16 Berikut adalah maklumat tentang Encik Ehsan seorang ahli koperasi Usahawan Muda di Kuantan.

Beliau memiliki modal sebanyak RM5 000. Pada tahun 2008 beliau telah membuat belian sebanyak RM800. Koperasi telah mencatatkan lebihan sebanyak RM50 000. Daripada jumlah ini RM20 000 diasingkan sebagai rizab dan selebihnya diagihkan. Jumlah belian anggota untuk tahun itu berjumlah RM150 000.

Hitung jumlah rebat yang akan diterima oleh Encik Ehsan.

- A RM106.67
 - B RM160.00
 - C RM266.67
 - D RM320.00
- 17 Cik Lim telah memenangi hadiah wang tunai RM15 000. Beliau bercadang untuk melaburkan wang tersebut dalam pelaburan yang mengutamakan keselamatan modal.
- Cadangkan jenis pelaburan yang sesuai.
- A Syer Biasa
 - B Syer Keutamaan
 - C Akaun Pelaburan
 - D Akaun Simpanan Semasa
- 18 Encik Maniam telah membeli sebuah rumah bernilai RM150 000. Dia menyewakan rumah itu dengan kadar RM500 sebulan mulai 1 Ogos 2007. Pada 1 April 2008, dia menjual rumah itu dengan harga RM230 000.

Hitungkan jumlah pulangan Encik Maniam dapat atas pelaburan itu.

- A RM84 000
- B RM84 440
- C RM84 950
- D RM90 000

- 19 Antara berikut, yang manakah merupakan peranan Bursa Saham Kuala Lumpur?
- I Membantu mengumpulkan modal syarikat awam berhad
 - II Menyediakan tempat pasaran saham
 - III Menyediakan tempat untuk syarikat menjalankan perniagaan
 - IV Menyebarkan maklumat kewangan syarikat untuk pengetahuan umum
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 20 Antara berikut, yang manakah **tidak benar** tentang overdraf?
- A Faedah dikira berdasarkan baki hari demi hari
 - B Peminjam mesti mempunyai Akaun Semasa
 - C Pelanggan boleh membuat bayaran dengan cek
 - D Kadar faedah overdraf lebih rendah
- 21 Antara berikut, yang manakah mungkin menjadi cek tak laku?
- I Cek mati
 - II Cek kosong
 - III Cek bertanda
 - IV Cek bertarikh hadapan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 22 Pernyataan yang manakah menunjukkan kelebihan syarikat pemfaktoran kepada peniaga?
- I Kedudukan aliran tunai peniaga dapat dikukuhkan
 - II Peniaga menjual pada kadar diskaun
 - III Belanja mengutip hutang dapat dikurangkan
 - IV Risiko hutang lapuk dapat dialihkan kepada syarikat pemfaktoran
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

23 Mengapakah risiko kejatuhan harga di pasaran tidak boleh diinsuranskan?

- A Kejatuhan harga ditentukan oleh kerajaan
- B Kadar premium tidak dapat dikira
- C Kejatuhan harga dapat dijangka
- D Risiko kerugian terlalu tinggi

24 Apakah peranan insurans kepada negara?

- A Memenuhi tuntutan ganti rugi oleh rakyat yang cedera semasa menjalankan kerja
- B Membantu melancarkan pentadbiran negara
- C Melindungi negara daripada kerugian
- D Membantu mengembangkan ekonomi negara

25 Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu prinsip insurans.

Insured menginsuranskan kedainya daripada kebakaran sebanyak RM50 000 daripada tiga insurer. Kedainya terbakar dan kos membina semula kedai itu ialah RM30 000.

Berapakah ganti rugi yang dapat diperolehi oleh insured?

- A RM90 000
- B RM50 000
- C RM30 000
- D RM10 000

26 Apakah peranan pengangkutan?

- A Menjamin keselamatan barang
- B Melindungi barang daripada kerugian
- C Membantu peniaga menyimpan stok yang banyak
- D Mengelakkan lebihan dan kekurangan barang di pasaran

27 Mengapakah saluran paip masih digunakan walaupun kurang popular?

- A Mengurangkan kos penyelenggaraan
- B Kerja pemunggaran yang banyak
- C Penggunaannya sangat terhad
- D Kos pemasangan yang rendah

- 28 Pernyataan yang manakah **benar** tentang pengkontenaan?
- A Kos kontena adalah rendah
 - B Mengurangkan kerosakan dan kecurian
 - C Boleh mengangkut arang batu dan kayu balak
 - D Peraturan dan dokumentasi kastam adalah rumit
- 29 Mengapakah komunikasi penting dalam perniagaan?
- A Memudahkan peniaga menghantar barangan pukal
 - B Melindungi peniaga daripada kerugian harta benda
 - C Memudahkan aktiviti mempromosikan barang
 - D Membantu menstabilkan harga barang
- 30 Antara berikut, yang manakah perkhidmatan yang disediakan oleh Pos Malaysia ?
- I Poslaju
 - II Datapos
 - III Pos Ekspres
 - IV Mel elektronik
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 31 Apakah tujuan menyediakan gudang?
- A Mengurangkan modal terikat
 - B Mengurangkan kerosakan dan kerugian barang
 - C Memudahkan kawalan dan pentadbiran perniagaan
 - D Menyelaraskan penawaran dan permintaan barang
- 32 Berikut adalah ciri-ciri sebuah gudang.

Dilengkapkan dengan alat dingin beku untuk menyimpan barang segar, dimiliki oleh kerajaan atau pihak swasta.

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang pengilang
- B Penyetoran sejuk
- C Gudang peruncit
- D Gudang berbon

- 33 Apakah tujuan utama peniaga mengadakan promosi untuk produk barunya?
- A Memperkenalkan barang dan perkhidmatan
 - B Meningkatkan keuntungan dan jualan
 - C Mengekalkan pasaran sedia ada
 - D Menangani pesaing
- 34 Bagaimanakah promosi jualan membantu pengedar?
- A Diberi peluang menyertai kursus untuk meningkatkan prestasi
 - B Memudahkan meningkatkan keuntungan
 - C Membantu meluaskan perniagaan
 - D Melibatkan pemberian insentif untuk menambahkan jualan
- 35 Bagaimanakah bayaran iklan di televisyen dikira?
- I Masa siaran dibuat
 - II Tempat siaran dibuat
 - III Kekerapan siaran dibuat
 - IV Tempoh setiap siaran dibuat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 36 Pilih pasangan yang **benar** mengenai agensi kerajaan dan fungsinya.

	AGENSI	FUNGSI
A	MTDC	Mempromosikan barang keluaran tempatan di luar negeri
B	SIRIM	Menjalankan penyelidikan saintifik dalam industri berteknologi tinggi
C	FRI	Membeli dan menjual hasil pertanian dengan harga berpatutan
D	PKEN	Menyediakan maklumat tentang pasaran antarabangsa

- 37 Antara berikut, yang manakah insentif yang diberi oleh kerajaan kepada peniaga?
- I Kuota
 - II Taraf perintis
 - III Potongan cukai
 - IV Elaun pelaburan semula
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 38 Apakah prinsip yang boleh membantu seorang pengguna membeli dengan bijak?
- A Meneliti kandungan bahan
 - B Membeli mengikut trend semasa
 - C Menentukan pelbagai jenis barang
 - D Membuat senarai mengikut kehendak
- 39 Antara berikut, akta yang manakah berkaitan dengan keselamatan pengguna?
- A Akta Sewa Beli 1967
 - B Akta Pembasmian Malaria 1974
 - C Akta Racun Makhluk Perosak 1974
 - D Akta Perihal Dagangan dan Jualan 1972
- 40 Antara yang berikut, yang manakah mematuhi Etika Amalan Perniagaan?
- A Penjual menyimpan stok barang-barang kawalan untuk tujuan kenaikan harga
 - B Bertanggungjawab memelihara alam sekitar demi menjamin mutu kehidupan sekarang dan masa depan
 - C Menjual barang yang sama pada harga yang berbeza mengikut pelanggan
 - D Menawarkan harga yang rendah semasa membeli sehingga merugikan pihak penjual

KERTAS SOALAN TAMAT

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2008
TINGKATAN 5

PERDAGANGAN
Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian; **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas kjang yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

SULIT

3755/2

Bahagian A
[75 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan sahaja dalam bahagian ini.

1. (a) Apakah maksud pengeluaran ? [3 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan sistem barter.

Encik Naim ingin menukarkan seekor lembu dengan seguni beras yang dimiliki oleh Encik Asraf. Selepas mengadakan perbincangan mereka tidak mendapat persetujuan untuk melakukan pertukaran itu.

Berdasarkan situasi di atas, huraikan kelemahan yang menyebabkan kedua-dua pihak tidak mendapat barang yang dikehendaki.

[10 markah]

- (c) Bagaimanakah perbankan, promosi dan pergudangan membantu Encik Haikal seorang pengusaha sos tiram berjenama Mutiara dari Maran dalam menjalankan perniagaannya. [12 markah]

2. Berikut adalah kaedah jualan secara kredit.

Encik Rahman membeli sebuah komputer riba berjenama Dell yang berharga RM3000 dengan bayaran deposit sebanyak RM400. Bakinya akan dibayar secara ansurans dan dijelaskan dalam tempoh setahun. Kadar faedah yang dikenakan adalah 8% setahun.

- (a) Berdasarkan petikan di atas,

- (i) Hitungkan jumlah faedah yang perlu dibayar untuk belian secara kredit [2 markah]

- (ii) Hitungkan bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh beliau [2 markah]

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT]

SULIT

(iii) Nyatakan tiga kekurangan kaedah sewa beli kepada pembeli. [4 markah]

(a) Terangkan ciri-ciri bentuk lain peruncitan di bawah:

(i) Mesin Peruncitan Automati [4 markah]

(ii) Perniagaan pesanan mel [4 markah]

(c)

(i) Apakah maksud perniagaan antarabangsa. [3 markah]

(ii) Nyatakan perbezaan antara Bil Muatan dengan Bil Udara. [6 markah]

3. Petikan di bawah berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana.

Industri petrokimia dapat membekalkan bahan mentah kepada Industri Kecil dan Sederhana yang mengeluarkan barang berasaskan plastik untuk kenderaan.

(a) Berdasarkan petikan, terangkan jalinan utama antara Industri Kecil dan Sederhana dengan industri berat dari segi Pemasaran Bersepadu.. [4 markah]

(b) Berikut adalah contoh pemilikan perniagaan.

Klinik Ilmi dan Irfan
Firma Guaman Rahman dan Rakan-rakan

Terangkan ciri-ciri pemilikan perniagaan tersebut. [10 markah]

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

(c) Pernyataan berikut berkaitan dengan pengendalian perniagaan.

Kakitangan yang cekap dan rajin akan menyumbang kepada kejayaan sesuatu perniagaan.

(i) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan perkara yang perlu di ambilkira oleh seseorang peniaga dalam pengurusan sumber manusia. [6 markah]

(ii) Sebutkan ciri-ciri koperasi. [5 markah]

4. (a) Nyatakan sebab-sebab cek tak laku tidak diterima oleh bank. [7 markah]

(b) Jelaskan peranan insurans kepada individu. [8 markah]

(c) Nyatakan tugas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). [4 markah]

(d) Kenal pasti perkhidmatan komunikasi yang sesuai digunakan dan berikan dua alasan bagi setiap perkhidmatan yang dipilih.

(i) sebuah firma akauntan menghantar suatu laporan kewangan kepada pelanggan [3 markah]

(ii) seorang pengurus besar syarikat ingin mengadakan mesyuarat dengan pengurus cawangan di negeri lain untuk mendapatkan keputusan mesyuarat dengan segera [3 markah]

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

5. (a) Nyatakan ciri gudang penyetoran sejuk dan gudang kerajaan. [8 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor pemilihan media pengiklanan. [8 markah]
- (c)
- (i) Nyatakan tujuan mewujudkan etika amalan perniagaan [3 markah]
- (ii) Huraikan etika penjual terhadap pekerja [6 markah]

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

Bahagian B
[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

6. Selaras dengan program Tahun Melawat Malaysia 2008, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu pihak yang berkaitan untuk menyambut kedatangan pelancong. Sesuai dengan promosi tersebut Woodland Resort yang dimiliki oleh Kamal sekeluarga berusaha untuk menarik seramai mungkin pelancong asing ke resortnya.

Berbekalkan tarikan alam semulajadi yang indah, flora dan fauna yang belum terjejas, hutan menghijau dan air terjun yang cantik, Woodland semakin dikenali ramai. Setakat ini Woodland Resort menerima banyak kunjungan pelancong dalam negara dan juga dari Singapura sahaja. Pihak pengurusan bercadang untuk menarik pelancong-pelancong dari Eropah, Jepun dan China. Namun begitu pihak pengurusan Woodland sukar untuk mempromosikan resortnya di peringkat antarabangsa kerana tiada kepakaran dan pengalaman.

Dengan bantuan seorang rakan yang berada di Kuala Lumpur beliau mempromosikan resortnya melalui internet. Ternyata kaedah promosi itu telah menyebabkan berlakunya pertambahan pelancong yang datang ke resortnya. Pertambahan jumlah pelanggan yang mendadak menyebabkan Woodland Resort mengalami masalah jumlah bilik yang tidak mencukupi untuk di sewa oleh pelancong. Modal yang ada tidak mencukupi untuk membuat tambahan bilik yang sedia ada. Pelancong-pelancong luar terutamanya dari Singapura dan Eropah kerap kali mengadu sukar untuk mendapatkan makanan ala barat kerana resortnya lebih memberi tumpuan kepada makanan tempatan sahaja.

Situasi ini menimbulkan ilham kepada pengurusan Woodland Resort untuk membina restoren yang menyediakan makanan ala barat kepada para pelancong. Sekali lagi pengurusan Woodland Resort berhadapan dengan masalah modal. Untuk tujuan tersebut mereka cuba untuk membuat pinjaman daripada pihak bank. Tetapi pihak bank tidak meluluskan permohonan mereka di atas beberapa alasan. Tambahan pula mereka tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan urusan pelancongan di peringkat antarabangsa.

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT]

SULIT

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Jelaskan tiga perkhidmatan telekomunikasi lisan yang boleh membantu pelanggan untuk mendapatkan maklumat tentang Woodland Resort.
[9 markah]
- (b) Bagaimanakah agensi di bawah dapat membantu Woodland Resort dari segi latihan dan kewangan.
- i. Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) [5 markah]
 - ii. Majlis Amanah Rakyat (MARA) [5 markah]
- (c) Selain tidak mempunyai pengalaman, mengapakah bank menolak permohonan pinjaman pihak pengurusan Woodland Resort.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM NEGERI PAHANG
2008
SKEMA JAWAPAN KERTAS 1
PERDAGANGAN

1	B	21	A
2	D	22	C
3	C	23	B
4	A	24	D
5	D	25	C
6	C	26	D
7	B	27	A
8	A	28	B
9	C	29	C
10	A	30	A
11	D	31	D
12	B	32	B
13	C	33	A
14	D	34	D
15	A	35	C
16	B	36	B
17	C	37	D
18	A	38	A
19	B	39	C
20	D	40	B

SULIT
Perdagangan
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
September 2007

3755/2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2008
TINGKATAN 5

PERDAGANGAN
Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	H1. Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan H2. memenuhi keperluan dan kehendak H3. menghasilkan nilai faedah tempat/bentuk/milikan/masa H4. melibatkan faktor-faktor pengeluaran H5. tanah/ buruh/ moda/ usahawan H6. melibatkan pengeluaran langsung dan tak langsung	1 1 1 1 1 1
		[Max 3]
1(b)	Kelemahan sistem barter: F1. sukar mendapat kemahuan serentak H1. perlu ada 2 orang yang sanggup bertukar barang antara satu sama lain C1. contoh yang sesuai F2. sukar menetapkan kadar pertukaran H2. barang yang hendak ditukar tidak sama nilai/saiz/ukuran C2. contoh yang sesuai F3. sukar membahagikan barang H3. sebahagian barang dan benda hidup tidak boleh dibahagikan kepada bahagian kecil C3. contoh yang sesuai F4. sukar menyimpan barang yang cepat rosak/tidak tahan lama H4. barang cepat rosak/tidak tahan lama/ nilai akan jatuh C4. contoh yang sesuai F5. sukar membawa barang-barang H5. kuantiti barang yang besar/berat/banyak C5. contoh yang sesuai	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	# terima semua fakta dan huraian/contoh mana-mana boleh	[Max 10]
1(c)	Perbankan F1. kemudahan simpanan H1. menyediakan perkhidmatan Akaun Semasa/Akaun Simpanan/Akaun Simpanan Tetap F2. kemudahan pembayaran dan penerimaan wang H2. cek/arahan tetap/debit terus/pindahan kredit	 1 1 1 1

	F3. kemudahan pembiayaan H3. memberi kemudahan pinjaman/overdarf Promosi F1. untuk memberitahu/memujuk pelanggan H1. pelanggan mendapat maklumat F2. untuk memperkenalkan barang baru dalam pasaran H2. memberi penerangan dengan jelas dan menarik F3. untuk meningkatkan/melariskan jualan H3. dapat menambah jualan /meningkatkan keuntungan F4. menggunakan pelbagai teknik promosi H4. contoh: pengiklanan/promosi jualan/jualan terus/publisiti Pergudangan F1. untuk menyimpan bekalan berlebihan sebelum dijual H1. untuk menentukan bekalan berterusan F2. menstabilkan harga di pasaran H2. menyelaraskan permintaan dan penawaran F3. untuk memecahkan pukal H3. pengguna dapat membeli dalam kuantiti yang diperlukan # setiap bantuan perniagaan maksimum 4 markah.	1 1 [Max 4] 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 4] 1 1 1 1 1 1 [Max 4]
2(a)	(i) Jumlah faedah yang perlu dibayar = $RM3000 - RM400$ = $RM2600$ = $RM2600 \times 8\%$ = $RM208$ (ii) Bayaran bulanan = $(RM2600 + RM208) \div 12$ = $RM2808 \div 12$ = $RM234$	1 1 1 1 [Max 2] 1 1 1 [Max 2]

	(iii)	
	H1. pembeli terdorong membeli barang yang mahal	1
	H2. pembeli menanggung harga barang yang lebih mahal berbanding harga tunai	1
	H3. pembeli dikenakan caj faedah tambahan jika lewat menjelaskan bayaran	1
	H4. barang boleh ditarik balik jika ansurans gagal dijelaskan	1
	H5. wang yang telah dijelaskan tidak dikembalikan	1
	H6. pembeli terpaksa membayar faedah ke atas baki ansuran yang belum dijelaskan	1
		[Max 3]
2(b)	Mesin peruncitan automatik	
	H1. diletakkan di tempat tumpuan orang ramai	1
	H2. pembeli perlu menyediakan wang kecil untuk dimasukkan ke dalam mesin	1
	H3. mesin ini mudah dialih/ dan beroperasi 24 jam	1
	H4. tidak memerlukan ruang yang luas untuk ditempatkan	1
	H5. barang yang dibeli tidak boleh dikembalikan	1
	H6. penyelenggaraannya tidak banyak/ dan kos mesin mahal	1
		[Max 4]
	Perniagaan secara pesanan mel	
	H1. mendapat kemudahan kredit	1
	H2. bayaran boleh secara ansuran/kad kredit	1
	H3. menjimatkan masa dan tenaga/kos	1
	H4. barang boleh dipesan/ dan dihantar melalui pos	1
	H5. jaminan barang dipulangkan semula	1
	H6. jika rosak/ tidak puas hati dalam tempoh ditetapkan	1
		[Max 4]
2(c)	(i) Perniagaan antarabangsa ialah:	
		1
	H1. kegiatan perniagaan yang dijalankan antara pihak dalam sesebuah negara dengan pihak negara lain	1
	H2. berlaku sekiranya terdapat lebihan keluaran antara negara	1
	H3. terdiri daripada perniagaan import, eksport, entreport	1
	H4. contoh sesuai perniagaan import/eksport	
		[Max 3]

	(ii) Bil Muatan H1. dokumen hak milik terhadap barang-barang H2. kontrak mengangkut barang antara pengeksport dan syarikat perkapalan H3. merupakan resit bagi barang-barang yang diangkut H4. resit bagi bayaran tambang yang dibayar terlebih dahulu H5. nota makluman mengenai barang yang diangkut Bil Udara H1. nota kiriman yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan kepada pengeksport H2. merupakan bukti kontrak perjanjian di antara syarikat penerbangan dengan pengeksport H4. dikeluarkan dalam tiga salinan oleh syarikat penerbangan H5. sebagai pengakuan penerimaan barang H6. sebagai nota serahan yang dibawa bersama-sama dengan barang	1 1 1 1 1 1 [Max 3] 1 1 1 1 1 1 [Max 3]
3(a)	Pemasaran Bersepadu: H1. IKS mengeluarkan sesuatu barang dan syarikat industri berat memasarkannya H2. pemasaran berkonsepkan payung H3. barangan dikeluarkan IKS dijual kepada industri berat H4. yang mendapat kontrak perolehan kerajaan H5. IKS mendapat bayaran segera H6. masalah pusingan modal dapat diatasi H7. usahawan dapat memberi tumpuan pada pengeluaran	1 1 1 1 1 1 1 [Max 4]
3(b)	Ciri-ciri perkongsian: F1. milikan H1. bilangan ahli perkongsian antara 2 – 20 orang F2. modal H2. menyumbangkan modal mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian perkongsian F3. pengurusan H3. rakan kongsi aktif mengambil bahagian cergas dalam pengurusan/ rakan kongsi lelap dan nominal tidak terlibat secara aktif	1 1 1 1 1 1

3(c)	F4. pembentukan	1
	H4. mudah dibentuk/ tidak terikat dengan banyak peraturan	1
	F5. liabiliti	1
	H5. menanggung liabiliti tidak terhad	1
	F6. pembahagian untung rugi	1
	H6. keuntungan/kerugian dibahagikan mengikut nisbah yang telah ditetapkan dalam perjanjian perkongsian	1
	F7. cukai	1
	H7. setiap rakan kongsi membayar cukai pendapatan perseorangan	1
	# terima 5 fakta dan 5 huraian sahaja	[Max 10]
	(i) pengurusan sumber manusia:	
	F1. meningkatkan kecekapan pekerja	
	H1. melalui kursus/kemahiran/latihan/motivasi	
	F2. menjaga kebajikan pekerja	1
	H2. memberi ganjaran kewangan/bonus/pakej percutian/hadiah penghargaan/imbuhan perubatan/tempat bekerja yang selesa	1
		1
	F3. mewujudkan hubungan yang baik	
	H3. suasana kerja yang harmonis dan mesra	
	F4. mematuhi undang-undang	1
	H4. membuat caruman kepada KWSP/mengambil insurans pampasan pekerja	1
		1
		1
		[Max 6]
	(ii) Ciri-ciri koperasi:	
	H1. milikan daripada anggota yang membeli saham	1
	H2. modal daripada caruman anggota	1
	H3. dalam bentuk yuran masuk/pembelian saham	1
	H4. pembentukan tertakluk kepada Akta Koperasi 1993	1
	H5. liabiliti yang terhad	1

	H6. pengurusan ditadbir oleh Lembaga Pengarah H7. agihan lebihan dalam bentuk dividen tunai/rebet H8. keuntungan koperasi dikecualikan cukai	1 1 1 [Max 5]
4(a)	Sebab-sebab cek tak laku: H1. jumlah dalam angka dan perkataan tidak sama H2. cek rosak seperti terkoyak/terconteng H3. penyuruh bayar mengarahkan bank untuk memhentikan pembayaran kepada penerima cek H4. tiada tandatangan penyuruh bayar H5. tandatangan penyuruhbayar berbeza/salah dengan kad tandatangan contoh yang ada pada bank H6. terdapat perubahan/pembetulan pada cek H7. terdapat kesilapan/butiran dalam cek tidak lengkap H8. penyuruh bayar menutup akaun H9. cek mati/cek kosong	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 7]
4(b)	Peranan insurans kepada individu : H1. memberi perlindungan dan jaminan masa depan H2. melindungi seseorang individu/keluarga daripada kerugian H3. disebabkan oleh kemalangan/kematian/ hilang upaya/kebakaran/kecurian H4. dengan memberi jaminan bayaran pampasan/ gantirugi H5. membolehkan individu menjalani masa depan dengan lebih senang hati/yakin H6. tanpa insurans dia diganggu dengan pelbagai ketidakpastian H7. membantu memulihkan kepada kedudukan yang asal H8. merupakan satu cara menyimpan/menabung untuk masa depan	1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 8]
4(c)	Tugas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ): H1. mendaftarkan kenderaan H2. mengeluarkan cukai jalan H3. mengeluarkan lesen memandu H4. mengeluarkan permit bagi institut memandu H5. menguatkuasakan undang-undang keselamatan jalan raya H6. bekerjasama dengan agensi bagi tujuan tertentu	1 1 1 1 1 1 1 [Max 4]

4(d)	(i) Telefaks H1. boleh menghantar/menerima pesanan secara bercetak H2. membolehkan gambar rajah dihantar/diterima H3. sebagai bukti urus niaga H4. cara cepat mengurusniaga	1 1 1 1 1 [Max 3]
	(ii) Sidang Video/video conference H1. membolehkan dua atau lebih pihak dapat berhubung H2. melalui audio secara langsung H3. kedua-dua pihak perlu kelengkapan studio H4. caj asas dikenakan melalui bil telefon H5. boleh menjimatkan masa dan tambang H6. boleh berinteraksi secara visual	1 1 1 1 1 1 1 [Max 3]
5(a)	Gudang penyetoran sejuk: H1. gudang yang dilengkapi dengan alat dingin beku H2. menyimpan barang segar/mudah busuk H3. dimiliki oleh kerajaan atau swasta H4. terletak di pelabuhan/ lapangan terbang H5. menyimpan barang mudah rosak yang diimport/dieksport H6. Contoh: syarikat Ayamas, Walls dan Magnolia, Nestle dan F & N	1 1 1 1 1 1 [Max 4]
	Gudang kerajaan H1. dimiliki oleh kerajaan H2. menyediakan kemudahan penyetoran bagi menyimpan barang keluaran agensi kerajaan H3. contoh: FAMA - menyimpan hasil pertanian yang dibeli daripada petani/ LKIM - menyimpan hasil tangkapan nelayan/ BERNAS - menyimpan stok beras bagi menjamin bekalan sepanjang tahun H4. terletak di pintu masuk negara/pelabuhan/lapangan terbang H5. gudang ini disewakan kepada peniaga H6. menyimpan barang yang tidak perlu dikenakan cukai/cukainya telah dijelaskan	1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 4]

5(b)	Faktor-faktor pemilihan media pengiklanan: F1. jenis dan sifat barang H1. barang/perkhidmatan sesuai dengan jenis-jenis dan sifat barang yang hendak diiklan F2. kos pengiklanan H2. mengikut kemampuan perniagaan/saiz operasi perniagaan F3. luas pasaran H3. liputan luas/ seluruh negara boleh gunakan akhbar F4. sasaran pengguna H4. iklan disasarkan kepada kumpulan pengguna yang dikehendaki/ contoh sesuai F5. saiz perniagaan H5. firma bermodal besar boleh mengiklan secara besar-besaran/firma kecil menggunakan media murah F6. dasar kerajaan H6. iklan rokok/ minuman keras dilarang diiklan dalam tv/ badan professional tidak dibenarkan iklan perkhidmatan # terima mana-mana 4 fakta dan 4 huraian	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 8]
5(c)	(i) Tujuan mewujudkan etika amalan perniagaan: H1. untuk memberi garis panduan kepada golongan peniaga H2. supaya mengamalkan prinsip perniagaan yang baik H3. untuk menjamin hak-hak pengguna dan pihak lain H4. mengawal amalan peniaga yang tidak wajar H5. memupuk semangat muhibah H6. di kalangan peniaga dan pihak lain	1 1 1 1 1 1 [Max 4]

	(ii) Etika penjual terhadap pekerja: F1. memberi ganjaran yang setimpal H1. seperti gaji/elaun/bonus F2. menjaga kebajikan H2. seperti cuti/perubatan/tempat tinggal/KWSP/Perkeso F3. menjaga keselamatan pekerja/persekitaran kerja yang selamat H3. seperti memberi pakaian khas/peralatan khas/alat mencegah kebakaran/menyediakan peti ubat F4. memotivasikan H4. memberi galakan/semangat/dorongan/mewujudkan hubungan baik F5. melatih H5. menunjuk ajar/kursus/bimbingan/peluang-peluang belajar untuk peningkatan kemahiran	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 6]
6(a)	F1. Telefon H1. Pelanggan diberi satu set telefon / dengan bayaran sewa bulanan H2. Panggilan boleh dibuat secara terus tanpa melalui Telefonis/menjimatkan masa H3. Terdapat tiga jenis panggilan iaitu panggilan tempatan / panggilan nasional / panggilan antarabangsa F1. Panggilan tanpa tol H1. Disediakan oleh STMB H2. Pelanggan dikecualikan daripada dikenakan bayaran panggilan H3. Boleh dibuat di mana-mana tempat di Malaysia dan luar negara/menjimatkan masa	1 1 1 1 [Max 3] 1 1 1 1 [Max 3]

6(b)	F1. Telefon bimbit	1
	H1. Panggilan boleh dibuat / diterima di mana-mana/menjimatkan masa	1
	H2. Beroperasi tanpa wayer	1
	H3. Bentuk yang kecil / mampat / ringan / mudah dibawa	1
		[Max 3]
	Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)	
	H1. Memberi pelbagai jenis latihan	1
	H2. Termasuk kaedah / teknik menguruskan kakitangan / pengurusan stok / pengurusan masa / pengurusan kewangan	1
	H3. Matlamat NPC untuk meningkatkan taraf pengurusan di semua sektor	1
	H4. Menganjurkan seminar / kursus / bengkel / lain-lain yang berkaitan	1
	H5. Menyediakan perkhidmatan konsultasi kepada syarikat swasta	1
		[Max 5]
	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	
	H1. Menyediakan bantuan kewangan khas	1
	H2. Terutama kepada bumiputera	1
6(c)	H3. Untuk memulakan perniagaan / meningkatkan daya saing	1
	H4. Menyediakan pembiayaan keperluan modal / pembelian aset	1
	H5. Contoh Skim Pembiayaan Am / Skim Pinjaman Kontrak / dan lain-lain yang berkaitan	1
		[Max 4]
	F1. Tujuan pinjaman / kertas kerja tidak jelas	1
	H1. Gagal meyakinkan pihak bank tentang keupayaan menghasilkan pulangan munasabah	1
	F2. Kedudukan kewangan pemohon	1
	H2. Pemohon tidak menunjukkan bukti kemampuan membayar balik	1
	F3. Tidak mengemukakan cagaran	1
	H3. Seperti sijil saham / sijil simpanan tetap / polisi insurans	1
		[Max 6]